

Artikel

## **Tahap Kerentanan Kewangan dalam Kalangan Pekerja GIG di Selangor** (*Level of Financial Vulnerability among GIG Workers in Selangor*)

Husniyah Abdul Rahman<sup>1</sup> & Zaimah Ramli<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup>Bahagian Dasar Kebudayaan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya,  
62200 Putrajaya, Malaysia

<sup>2</sup>Program Sains Pembangunan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [zaimahr@ukm.edu.my](mailto:zaimahr@ukm.edu.my)

Diserah: 21 September 2024

Diterima: 21 November 2024

**Abstrak:** Pandemik COVID-19 telah memberikan kesan kepada perkembangan ekonomi digital dan telah meningkatkan pertumbuhan ekonomi GIG. Perkembangan ini mengubah cara pekerjaan tradisional dan memberikan peluang dalam penjanaaan pendapatan dan fleksibiliti. Namun begitu, pekerjaan GIG ini tidak menyediakan perlindungan pekerjaan dengan aliran pendapatan yang tidak menentu serta tiada laluan kerjaya yang jelas. Perkara ini telah menjejaskan kestabilan kewangan mereka dan boleh menyebabkan mereka mengalami kerentanan kewangan. Justeru itu, kajian ini akan mengukur tahap kerentanan kewangan dalam kalangan pekerja GIG di Selangor. Selain itu, kajian ini turut menguji perbezaan tahap kerentanan kewangan dengan status pekerjaan, pendapatan, simpanan dan hutang pekerja GIG. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui teknik pensampelan bertujuan. Soal selidik digunakan sebagai alat pengumpulan maklumat. Responden kajian ini terdiri daripada 230 orang pekerja GIG di Selangor yang menerima bantuan inisiatif RiDE. Hasil kajian menunjukkan tahap kerentanan pekerja GIG di Selangor adalah sederhana. Kajian juga menunjukkan bahawa pekerja GIG sepenuh masa mengalami tahap kerentanan kewangan lebih tinggi berbanding pekerja GIG separuh masa. Pekerja GIG yang mempunyai pendapatan rendah dan kurang atau tidak mempunyai simpanan akan mengalami kerentan kewangan lebih tinggi secara relatif. Seterusnya pekerja GIG yang mempunyai pinjaman yang banyak juga didapati mempunyai tahap kerentanan kewangan yang tinggi dan sebaliknya. Implikasi kajian ini menunjukkan betapa pentingnya pekerja GIG mempunyai pekerjaan yang lebih stabil. Dalam masa yang sama, mereka juga perlu menambah pengetahuan berkaitan kewangan dan mengamalkan tingkah laku kewangan yang positif dalam menangani situasi ketidakstabilan pekerjaan mereka. Campurtangan pihak berkepentingan juga amat diperlukan dalam menjamin kesejahteraan kewangan pekerja GIG.

**Kata kunci:** Pendapatan; simpanan; hutang; kerentanan kewangan; pekerja GIG

**Abstract:** The COVID-19 pandemic has had an impact on the development of the digital economy, as well as increasing the growth of the GIG economy. These developments are changing traditional ways of working while also providing opportunities for income generation and flexibility. However, these GIG jobs do not provide job security with an uncertain income stream and no clear career path. This has impacted their financial stability and may cause them to become financially vulnerable. Therefore, this study will measure the level of financial vulnerability among GIG workers in Selangor. Additionally, this study will examine the correlation between the level of financial vulnerability and the employment status, income, savings, and debt of GIG workers. This study uses a quantitative approach through a purposive sampling technique. We use

questionnaires as an information gathering tool. This study's respondents were 230 GIG workers in Selangor who received assistance from the RiDE initiative. The study's findings indicate that GIG workers in Selangor are moderately vulnerable. Studies also show that full-time GIG workers experience higher levels of financial vulnerability than part-time GIG workers. GIG workers who have a low income and little or no savings will experience a relatively higher level of financial vulnerability. Subsequently, the study reveals that GIG employees with a high debt load also exhibit heightened financial vulnerability, and vice versa. The implications of this study show how important it is for GIG workers to have a more stable job. Simultaneously, they must enhance their financial knowledge and adopt positive financial behaviors to manage their job instability. Stakeholder intervention is also essential in ensuring the financial well-being of GIG employees.

**Keywords:** Income; savings; debt; financial vulnerability; GIG workers

## Pengenalan

Kerentanan kewangan mencetus kebimbangan kepada individu, keluarga dan komuniti di seluruh dunia. Ia merujuk kepada keadaan terdedah kepada risiko kewangan dan kekurangan sumber yang diperlukan untuk menghadapi perbelanjaan tidak dijangka atau kemelesetan ekonomi. Kerentanan ini boleh berpunca daripada pelbagai faktor seperti pendapatan, akses kepada perkhidmatan kewangan, tahap hutang atau pengetahuan kewangan. Kerentanan kewangan dalam kalangan pekerja GIG telah menjadi isu utama sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Ekonomi GIG yang berasaskan kerja jangka pendek dan fleksibel menawarkan peluang kepada individu untuk melibatkan diri dalam pelbagai jenis pekerjaan GIG (Bajwa et al., 2018). Walau bagaimanapun, pekerja GIG sering menghadapi cabaran kewangan dan ketidakpastian disebabkan pendapatan yang tidak mencukupi, produktiviti yang rendah dan hak asasi pekerja tertindas kerana keadaan kerja yang sukar.

Ketidakpastian pekerjaan ini menyumbang kepada kerentanan kewangan dalam kalangan pekerja GIG (Bajwa et al. 2018). Hal ini menyebabkan mereka mengalami kesulitan memenuhi tuntutan kewangan dan merancang masa depan (Muhammad Eddy Aizad et al., 2023). Ketidakpastian ini diburukkan lagi dengan kekurangan jaringan keselamatan sosial dan sistem sokongan untuk pekerja GIG (Maria & Stopforth, 2023). Oleh yang demikian, pekerja terdedah kepada risiko kewangan dan ketidakstabilan kewangan walaupun pekerjaan GIG ini boleh memberikan fleksibiliti dan autonomi. Perkembangan ekonomi GIG mengubah cara bekerja dengan pantas berkembang tiga kali lebih cepat daripada pekerjaan tradisional dan memberikan peluang untuk penjana pendapatan, terutamanya di negara membangun yang mana majoriti pekerja bekerja dalam pekerjaan bergaji rendah, berkualiti rendah dan informal (Joo & Shawl, 2021). Pekerja GIG yang berasaskan kontrak, menawarkan fleksibiliti kepada populasi terpinggir seperti wanita, anak muda, pendatang dan individu kurang upaya. Walau bagaimanapun, pekerjaan GIG ini tidak menyediakan perlindungan pekerjaan dengan aliran pendapatan yang tidak menentu dan tiada laluan kerjaya yang jelas.

Justeru itu, kajian ini akan meneliti tahap kerentanan kewangan pekerja GIG di Selangor. Dalam masa yang sama, kajian ini juga akan menganalisis perbezaan tahap kerentanan kewangan dengan status pekerjaan, pendapatan, simpanan dan hutang pekerja GIG di Selangor.

## Sorotan Literatur

### 1. Pekerjaan dan Pekerja GIG

Pandemik COVID-19 telah mengubah landskap ekonomi dunia kepada perkembangan transformasi digital ekonomi dan pembangunan platform atas permintaan berdasarkan teknologi digital. Ia dikenali sebagai ekonomi GIG, iaitu sistem pasaran buruh bebas yang bergantung kepada jawatan sementara dan sambilan yang diisi oleh kontraktor bebas dan pekerja bebas (Farhana Hanim et al., 2022; Joo & Shawl, 2021; Rezqi & Jaka, 2022). Tenaga kerja GIG dijangka mengatasi saiz tenaga kerja sepenuh masa menjelang 2027 dengan pekerjaan GIG dijangka menjana \$455 bilion pada tahun 2023, meningkat 53% daripada tahun 2020 (Gibbons 2022; Lutkevich 2023). Pertumbuhan ekonomi GIG di United Kingdom (UK) dianggarkan 7.25 juta orang

kini bekerja dalam ekonomi tersebut dan dijangka tenaga kerja GIG meningkat mencecah 14.86 juta orang pekerja menjelang tahun 2026 (Fennell 2023).

Manakala, di Malaysia lebih ramai rakyat Malaysia beralih kepada kerja bebas, sambilan, kerja atas panggilan, kerja agensi sementara, buruh subkontrak dan kontraktor bebas serta pekerja platform dalam talian bagi mengatasi pengangguran akibat pandemik. Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) melaporkan bahawa kira-kira 2.2 juta orang pekerja GIG di negara ini dan terdapat penurunan pengangguran kepada 4.6% dan peningkatan dalam bilangan pekerja akaun sendiri (Jabatan Perangkaan Malaysia 2022b). Dianggarkan satu pertiga penduduk di Malaysia terlibat dalam ekonomi GIG. Statistik ini menunjukkan pertumbuhan besar dan pengaruh ekonomi GIG di Malaysia. Keperluan ekonomi, pendapatan tambahan, fleksibiliti dan kawalan serta autonomi antara faktor yang menggalakkan penyertaan ekonomi gig bagi pekerja GIG (Azarisham et al., 2022).

## 2. Kerentanan Kewangan

Kerentanan kewangan menurut O'Connor et al. (2019) ialah risiko individu jatuh kesusahan kerana tidak dapat mengekalkan taraf hidup, bukannya berdasarkan situasi hidup dalam keadaan kemiskinan atau keperluan tertentu. Beliau membincangkan kerentanan kewangan daripada segi subjektif dan objektif. Subjektif merujuk kepada faktor dalaman yang tidak boleh dinilai secara bebas seperti keyakinan kewangan dan kesedaran kewangan, manakala objektif merujuk faktor luaran seperti fakta yang mungkin dilaporkan oleh pengguna atau diperoleh daripada sumber luar seperti aset kewangan, sejarah kredit dan simpanan.

Amalan simpanan yang konsisten dikaitkan dengan kesihatan kewangan yang baik (UNDP, 2021). Antara faktor utama penyertaan pekerja GIG dalam ekonomi GIG untuk meningkatkan pendapatan dan simpanan (Sabatier, 2023). Pekerja GIG menetapkan matlamat kewangan mengambil lebih banyak tugas untuk meningkatkan pendapatan, berbelanja mengikut kemampuan, merancang kewangan lebih baik dan memperuntukkan lebih banyak wang dalam simpanan (UNDP, 2021). Namun begitu, Jabatan Perangkaan Malaysia (2022a) mendapati pekerja GIG di Malaysia mengalami ketidakupayaan untuk menyimpan, hanya 36.61 peratus responden yang mempunyai simpanan mahupun pelaburan sendiri manakala 63.39 peratus tidak mempunyai apa-apa simpanan. Simpanan terhad menyumbang kepada ketidakstabilan ekonomi dan kewangan yang kronik (Jacob & Boyd, 2020).

Kajian lepas mendapati penerima bantuan kerajaan kecenderungan tidak menabung berbanding dengan bukan penerima bantuan kerajaan (Nurul Syifaa et al., 2023). Ketidakmampuan untuk mengekalkan kewangan stabil dari segi simpanan, pendapatan, perbelanjaan dan hutang menunjukkan kerentanan kewangan (Anderloni et al., 2012; Lyons & Kass-Hanna, 2021). Penasihat kewangan lazimnya mengesyorkan agar isi rumah mempunyai simpanan kecemasan sebagai amalan standard pengurusan kewangan terkesan (Lusardi & Mitchell, 2011). Simpanan kecemasan menyediakan akses wang apabila diperlukan dan menyumbang kepada keselamatan kewangan (Dankiewicz et al., 2022).

Siti Nurazira et al. (2024) mendapati pekerja GIG di Malaysia sukar mendapatkan dana semasa kecemasan sama ada melalui sumber pendapatan, simpanan dan akses produk dan perkhidmatan kewangan. Penemuan hasil kajian yang sama bagi pekerja GIG di Belgium yang mendapati pekerja penghantar Deliveroo tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk mengendalikan perbelanjaan tidak dijangka (Drahokoupil & Piasna, 2019). Beliau mendapati majoriti 74% pekerja Deliveroo mengalami kesulitan kewangan dalam menguruskan perbelanjaan luar jangka dan 26% penghantar boleh menanggung sendiri perbelanjaan tanpa kesukaran. Kerentanan kewangan berlaku apabila isi rumah tidak mempunyai simpanan kecemasan untuk menghadapi situasi luar jangkaan (Kai & Shijia, 2023). Maklumat ini menggariskan kepentingan simpanan kecemasan untuk keselamatan dan kestabilan kewangan individu kerana ia bertindak sebagai penampan untuk perkara di luar jangka.

Kerentanan kewangan ditunjukkan oleh ketidakupayaan untuk mengekalkan keadaan yang stabil dari segi simpanan, pendapatan, perbelanjaan penggunaan dan hutang (Anderloni et al., 2012). Kajian Mitchell et al. (2021) mendapati pekerja GIG menyesuaikan tabiat perbelanjaan harian mereka untuk menampung kesan autonomi dan fleksibiliti yang ditawarkan oleh ekonomi GIG. Hal ini mencerminkan keinginan mereka untuk merancang kewangan dengan lebih baik dan berbelanja mengikut kemampuan, menunjukkan pemahaman tentang kepentingan belanjawan bagi mengelakkan perbelanjaan berlebihan dan hutang terkumpul.

Kajian UNDP (2021) juga mendapati pekerja GIG berusaha untuk belanja mengikut kemampuan mereka dan memperuntukkan lebih banyak wang bagi meningkatkan kestabilan kewangan mereka. Hal ini membuktikan bahawa pekerja GIG mengutamakan perancangan kewangan dan simpanan untuk mengurangkan kerentanan kewangan dan mencapai kestabilan. Zhang et al. (2022) mendapati pekerja GIG bergantung sepenuhnya terhadap pendapatan mereka untuk memenuhi keperluan asas. Kebergantungan ini menjadikan mereka terdedah kepada risiko kewangan jika berlaku penurunan pendapatan. Sebagai contoh, Nguyen Vu dan Scott (2018) dan Peetz dan Robson (2021) mendapati bahawa pekerja GIG yang mempunyai pendapatan tidak menentu menunjukkan keupayaan kewangan yang lebih lemah, terutamanya dalam aspek pemenuhan keperluan harian dan pembayaran bil bulanan.

Individu yang bekerja sendiri lebih cenderung mempunyai kekangan kewangan kerana mereka mengalami pendapatan defisit, iaitu pendapatan yang lebih rendah daripada perbelanjaan (Auguste et al., 2023). Pendapatan defisit dan status pekerjaan yang tidak stabil adalah faktor kerentanan kewangan dalam kalangan isi rumah (Azzopardi et al., 2019; Morrissey et al., 2020; O'Connor et al., 2019). Sri Noerhidajati et al. (2021) juga mengaitkan status kewangan keluarga dan keupayaan mengurus pendapatan dalam menghadapi kejutan ekonomi sebagai faktor kerentanan kewangan. Auguste et al. (2023) mendapati bahawa sebahagian besar pekerja GIG di China menghadapi masalah tidak mempunyai lebihan wang setelah menyelesaikan perbelanjaan komitmen. Ringkasnya, individu yang bekerja sendiri sentiasa berhadapan cabaran dalam mengurus perbelanjaan dan mengelola pendapatan kerana ketidakstabilan kewangan mereka adalah lebih besar berbanding mereka yang mempunyai pekerjaan tetap.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Sehingga kini tiada data statistik populasi bagi pekerja GIG di Malaysia dan negeri Selangor khususnya (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022b; Zufatin Izzati & Muhamad Khalil, 2023). Oleh itu, populasi kajian yang disasarkan ialah pekerja GIG dalam bidang penghantaran makanan dan barang di negeri Selangor yang menerima bantuan Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE). Berdasarkan data tersebut, terdapat seramai 9000 orang penerima bantuan RiDE di seluruh negeri Selangor. Oleh itu, kajian ini ditentukan dengan menggunakan perisian *G\*Power 3.1* (Faul et al., 2009; Kang, 2021), maka saiz sampel minimum ialah 119 responden (Hager, 2006). Instrumen kajian adalah soal selidik yang mengandungi maklumat profil dan kerentanan kewangan responden. Kerentanan kewangan diukur berdasarkan skala Likert 5-mata, iaitu; 1=sangat tidak setuju; 2=tidak setuju; 3=kurang setuju; 4=setuju; 5=sangat setuju.

Kajian rintis ke atas soal selidik telah dilaksanakan dan nilai *Cronbatch Alpha* 0.754 diperolehi, iaitu boleh dipercayai (Namdeo & Rout, 2016). Teknik persampelan bertujuan digunakan bagi kajian ini (Chua, 2021; Saunders et al., 2023). Pengumpulan data melalui soal selidik dilakukan dalam talian menggunakan platform Google Form yang diedarkan melalui telegram kumpulan penerima bantuan RiDE. Pengumpulan data mengambil masa dua minggu dan sebanyak 249 respon diperolehi. Setelah proses saringan dan pembersihan data dilakukan, sejumlah 230 responden terlibat dalam kajian ini. Analisis deskriptif dilakukan bagi menjelaskan tahap kerentanan kewangan dan perbezaan tahap kerentanan kewangan dengan status pekerjaan, pendapatan, simpanan dan hutang pekerja GIG. Tahap kerentanan kewangan responden dikelaskan kepada tiga kategori, iaitu; tinggi (1.00-2.33), sederhana (2.34-3.67) dan rendah (3.68-5.00). Semakin tinggi nilai skor purata, semakin rendah tahap kerentanan kewangan (Mohd Majid, 2009; Lee, 2021).

## Hasil Kajian dan Perbincangan

### 1. Maklumat Peribadi

Jadual 1 menunjukkan maklumat peribadi responden. Maklumat peribadi ini meliputi jantina, umur, etnik, taraf perkahwinan, taraf pendidikan, kawasan operasi, syarikat penyedia perkhidmatan, pengesahan penerima bantuan RiDE dan status pekerjaan. Sebanyak 230 responden telah menyertai kajian ini dengan 94.3% responden adalah lelaki, manakala 5.7% adalah perempuan. Majoriti responden berumur 30 hingga 39 tahun (55.7%) dan 97.8% adalah etnik Melayu. Manakala daripada segi tahap pendidikan, peratusan tertinggi pendidikan responden adalah peringkat STPM (55.2%) diikuti dengan ijazah sarjana muda (26.5%) dan SPM

(4.8%). Majoriti responden beroperasi di Selangor (70.5%) dan selebihnya di Kuala Lumpur (21.9%) dan Putrajaya (7.5%). Separuh responden berdaftar di bawah Syarikat Penyedia Perkhidmatan, iaitu Grab Food (54.3%), diikuti oleh FoodPanda (19.6%) dan Shopee (13.0%). Manakala, status pekerjaan menunjukkan majoriti responden bekerja sepenuh masa (58.3%) dan selebihnya bekerja separuh masa (41.7%) dengan majoriti daripadanya bekerja di sektor swasta (65.6%). Selain itu, Jadual 4.1 menunjukkan bahawa majoriti isi rumah mempunyai bilangan empat orang isi rumah (23.5%) diikuti lima orang ahli (22.6%) dan tiga orang isi rumah ahli (17.4%).

Jadual 1. Maklumat peribadi responden

Pernyataan	Kekerapan (%)	Pernyataan	Kekerapan (%)
Jantina:		Status Pekerjaan:	
Lelaki	217(4.3)	Sepenuh Masa	134(8.3)
Perempuan	13(5.7)	Separuh Masa	96(41.7)
Umur:		Pekerjaan Sebenar	
20-29 ahun	84(36.5)	Sektor Kerajaan	20(20.8)
30-39 tahun	128(5.7)	Sektor Swasta	63(65.6)
40-49 ahun	17(7.4)	Kerja Sendiri	7(7.3)
50 e atas	1(0.4)	Pelajar	6(6.3)
Etnik:		Bilangan Isi Rumah:	
Melayu	225(7.8)	1 isi rumah	2(0.8)
Cina	1(0.4)	2 isi rumah	29(12.6)
India	1(1.3)	3 isi rumah	40(17.4)
Sikh	1(0.4)	4 isi rumah	54(23.5)
Taraf perkahwinan:		4 isi rumah	52(22.6)
Bujang	62(27.8)	6 isi rumah	30(13.0)
Berkahwin	158(8.7)	≥7 isi rumah	23(9.9)
Balu/Duda	5(2.2)	Kawasan Operasi	
Bercerai/Berpisah	3(1.3)	Selangor	225(70.5)
Taraf Pendidikan:		Kuala Lumpur	70(21.9)
SRP/PMR	6(2.6)	Putrajaya	23(7.5)
SPM	10(4.3)	Syarikat Penyedia Perkhidmatan:	
STPM	127(5.2)	Grab Food	125(54.3)
Diploma/Sijil	4(1.7)	FoodPanda	45(19.6)
Ijazah	61(26.5)	Shopee	30(13.0)
Sarjana	21(9.1)	Lalamove	19(8.3)
PHD	1(0.4)	Lain-lain	11(4.7)

## 2. Maklumat Kewangan Responden

Jadual 2 menunjukkan maklumat kewangan responden. Maklumat kewangan ini terdiri daripada pendapatan, anggaran simpanan, jenis simpanan, simpanan kecemasan, anggaran hutang dan sumber hutang. Majoriti responden mempunyai pendapatan antara RM1,500 hingga RM2,559 (53.9%) dan selebihnya mempunyai pendapatan kurang daripada atau sama dengan RM1,499 (39.1%), ia menunjukkan sebahagian besar responden mempunyai pendapatan yang rendah, iaitu aras pendapatan B40. Majoriti responden turut menyatakan tidak mempunyai sebarang anggaran simpanan (64.8%), namun berbeza dengan butiran jenis simpanan yang mendapati majoriti responden menyatakan mempunyai akaun simpanan (72.9%). Dapatan ini menunjukkan bahawa responden menggunakan akaun simpanan sebagai alat perbankan bagi tujuan transaksi harian bukannya sebagai instrumen simpanan jangka panjang. Mempunyai akaun simpanan tidak semestinya bermakna akaun tersebut digunakan untuk simpanan jangka panjang atau sebagai deposit wang.

Manakala simpanan kecemasan menunjukkan majoriti responden tidak mempunyai simpanan kecemasan bernilai RM1000 (82.2%) dan selebihnya mempunyai simpanan kecemasan bernilai RM1000

(17.8%). Hal ini menunjukkan mereka kurang persediaan kewangan untuk kecemasan dalam kalangan pekerja GIG untuk menghadapi perkara di luar jangka. Mengenai anggaran hutang, majoriti responden mempunyai hutang berjumlah RM1,000 hingga RM4,999 (36.5%) dan selebihnya mempunyai hutang kurang atau sama dengan RM999 (23.9%), hutang lebih atau sama RM10000 (23%) dan hutang daripada RM5000 hingga RM9999 (8.3%) serta tiada hutang (8.3%). Sumber hutang utama adalah daripada keluarga (50.7%) dan bank perdagangan (21.3%) serta juga melalui kawan (14.7%). Dapatan ini selari dengan kajian (UNDP, 2021) mendapati bahawa pekerja GIG di Malaysia dan China sering mendapatkan pinjaman daripada keluarga dan rakan untuk menampung perbelanjaan penting.

Jadual 2. Maklumat kewangan responden

Pernyataan	Kekerapan (%)	Pernyataan	Kekerapan (%)
<b>Pendapatan:</b>		<b>Simpanan kecemasan</b>	
≤ RM1,499	90(39.1)	Ya	5(17.8)
RM1,500- RM2,559	124(53.9)	Tidak	189(2.2)
RM2,560-RM5,249	16(7.0)	<b>Anggaran hutang</b>	
RM5,250-RM11,819	-	Tiada	19(8.3)
≥ RM11,820	-	≤ RM999	55(23.9)
<b>Anggaran simpanan:</b>		RM1,000- RM4,999	84(36.5)
Tiada	149(64.8)	RM5,000- RM9,999	17(8.3)
≤ RM999	72(31.3)	≥ RM10,000	5(23.0)
RM1,000- RM4,999	7(3.0)	<b>Sumber hutang:</b>	
RM5,000- RM9,999	-	Keluarga	176(0.7)
≥ RM10,000	2(0.9)	Kawan	51(14.7)
<b>Jenis Simpanan</b>		Bank Komersial	74(21.3)
Akaun Simpanan	183(72.9)	Pinjaman tidak berlesen	6(1.7)
Akuan Semasa	38(15.1)	Pinjaman berlesen	13(3.7)
Hartanah	1(0.4)	Tekun	1(1.2)
Saham Amanah	21(8.4)	Pinjaman pendidikan	1(1.4)
Tabung Haji	1(0.4)	Lain-lain	17(5.2)
Lain-lain	7(2.8)		

### 3. Tahap Kerentanan Kewangan Pekerja GIG

Jadual 3 menunjukkan skor purata kerentanan kewangan. Penilaian tersebut mendapati pernyataan “saya menerima bantuan kewangan daripada kerajaan Persekutuan dan Negeri dan bantuan tersebut dapat meringankan beban kewangan saya” telah memperoleh skor purata tertinggi, iaitu 4.10. Hal ini menunjukkan bahawa pekerja GIG setuju bantuan yang diterima dapat meringankan beban kewangan dan memberi daya tahan kewangan serta membantu untuk mencapai kestabilan kewangan. Bantuan kerajaan memainkan peranan penting meningkat keselamatan dan daya tahan kewangan isi rumah berpendapatan rendah (Kim & Wilmarth, 2016). Dapatan ini selari dengan dapatan kajian lepas yang mendapati bantuan kerajaan boleh mengurangkan tekanan kewangan dan memberikan kelegaan segera (Nurul Syifaa et al., 2023), meningkat kepuasan kewangan (Lee et al., 2023) dan menambah baik status sosioekonomi penerima serta menyumbang kepada usaha pengurangan kemiskinan (Waziri et al., 2019).

Skor purata kedua tertinggi adalah 3.74 bagi pernyataan “saya tidak berbelanja melebihi pendapatan”. Hal ini menunjukkan bahawa responden dalam kajian mempunyai persepsi yang positif terhadap keupayaan mereka menguruskan kewangan mengikut kemampuan mereka. Pernyataan ini menunjukkan responden bersetuju mengambil berat tentang tabiat perbelanjaan mereka dan mempunyai kawalan terhadap had kewangan mereka. Dapatan ini selari dengan Mitchell et al. (2021) yang mendapati pekerja GIG menyesuaikan tabiat perbelanjaan mereka apabila memasuki ekonomi GIG disebabkan oleh autonomi dan fleksibiliti yang ditawarkannya.

Jadual 1. Skor purata dan sisihan piawai bagi pemboleh ubah kerentanan kewangan

	Pernyataan	Purata	S. Piawai
1.	Saya menerima bantuan kewangan daripada kerajaan Persekutuan dan Negeri dan bantuan tersebut dapat meringankan beban kewangan saya	4.10	0.704
2.	Saya tidak berbelanja melebihi pendapatan.	3.74	0.816
3.	Saya mempunyai keupayaan memenuhi keperluan harian.	3.53	0.880
4.	Saya membuat caruman SOCSO, KWSP dan insurans.	3.41	1.389
5.	Saya mempunyai wang yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan bulanan sebelum menerima upah seterusnya.	3.11	0.932
6.	Saya sentiasa memastikan hutang semasa diselesaikan	2.64	1.188
7.	Saya mempunyai keupayaan membuat pinjaman melalui bank komersial.	2.53	1.056
8.	Saya sentiasa memperuntukkan wang kecemasan.	2.17	1.088
9.	Saya mempunyai keupayaan untuk menyimpan.	1.63	0.895
	<b>Skor Kumulatif</b>	<b>3.03</b>	<b>0.460</b>

Skor purata seterusnya mencatatkan 3.53 bagi pernyataan “saya mempunyai keupayaan memenuhi keperluan harian”. Dapatan ini menunjukkan sebahagian besar pekerja GIG masih berupaya memenuhi keperluan harian hidup mereka. Dapatan ini selari dengan Mitchell et al. (2021) yang mendapati pekerja GIG berupaya menyesuaikan tabiat perbelanjaan harian mereka untuk menampung kesan autonomi dan fleksibiliti yang ditawarkan oleh ekonomi GIG. Selain itu, hasil kajian UNDP (2021) juga mendapati pekerja GIG berusaha untuk berbelanja mengikut kemampuan mereka dan memperuntukkan wang bagi meningkatkan kestabilan kewangan mereka.

Pekerja GIG juga didapati masih mempunyai jaminan kewangan dan keselamatan yang agak baik apabila mencatatkan purata 3.41 pada pernyataan “saya membuat caruman SOCSO, KWSP dan insurans”. Hal ini menunjukkan mereka sedar akan kepentingan simpanan dan insurans. Namun, Siti Nurazira et al. (2024) mendapati pekerja GIG di Malaysia sukar mendapatkan dana semasa kecemasan, sama ada melalui sumber pendapatan dan simpanan. Drahokoupil dan Piasna (2019) juga mendapati pekerja GIG tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk mengendalikan perbelanjaan tidak dijangka.

Seterusnya skor purata 3.11 yang dicatatkan pada pernyataan “saya mempunyai wang yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan bulanan sebelum menerima upah seterusnya” menunjukkan kebanyakan pekerja GIG berada pada tahap yang sederhana dalam hal kecukupan wang sebelum menerima upah seterusnya. Hal ini selari dengan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2022a) yang mendapati pekerja GIG di Malaysia mengalami ketidakupayaan untuk menyimpan. Hanya 36.61 peratus pekerja GIG yang mempunyai simpanan dan selebihnya tidak mempunyai apa-apa simpanan.

Skor purata 2.64 pada pernyataan “saya sentiasa memastikan hutang semasa diselesaikan” menunjukkan sebahagian besar pekerja GIG mempunyai hutang semasa yang tidak mampu diselesaikan. Anderloni et al. (2012) turut mendapati bahawa kerentanan kewangan ditunjukkan oleh ketidakupayaan untuk mengekalkan keadaan yang stabil dari segi simpanan, pendapatan, perbelanjaan penggunaan dan hutang. Malahan Auguste et al. (2023) turut mendapati sebahagian besar pekerja GIG di negara China menghadapi masalah tidak mempunyai lebihan wang setelah menyelesaikan perbelanjaan komitmen.

Skor purata 2.53 bagi pernyataan “saya mempunyai keupayaan membuat pinjaman melalui bank komersial”. Hal ini menunjukkan bahawa pekerja GIG tidak mempunyai akses mudah kepada kredit atau bantuan kewangan daripada institusi perbankan tradisional sekali gus berpotensi menghadkan keupayaan mereka untuk menguruskan perbelanjaan kewangan yang tidak dijangka atau membuat pelaburan. Kajian Uchiyama et al. (2022) dan Siti Nurazira et al. (2024) mendapati penghantar makanan sukar mendapatkan pinjaman berikutan kegagalan penyediaan dokumentasi sah oleh syarikat penyedia perkhidmatan kerana klasifikasi pekerja sebagai kontraktor bebas. Pinjaman tidak rasmi seperti pinjaman keluarga menjadi pilihan bagi mengatasi kekangan ini (Dubbelman, 2021; UNDP, 2021). Sebagaimana dapatan analisis deskriptif maklumat kewangan kajian ini mendapati sumber hutang utama pekerja GIG di negeri Selangor adalah melalui pinjaman keluarga (50.7%).

Skor purata kedua terendah 2.17 pada pernyataan “saya sentiasa memperuntukkan wang kecemasan”. Penemuan ini menunjukkan bahawa pekerja GIG menghadapi kesukaran untuk menyediakan wang kecemasan ketika dalam keadaan luar jangka dan mengalami kerentanan kewangan tinggi. Dapatan ini selari dengan Siti Nurazira et al. (2024), iaitu pekerja GIG mempunyai kapasiti terhad untuk menampung perbelanjaan sara hidup, mengurus hutang atau mendapatkan dana semasa kecemasan (terutamanya daripada pendapatan, simpanan dan akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan).

Skor purata terendah 1.63 bagi pernyataan “saya mempunyai keupayaan untuk menyimpan”. Hal ini menunjukkan bahawa pekerja GIG menghadapi kesukaran dalam menyimpan wang boleh menyebabkan risiko kewangan yang tidak dijangka. Dapatan UNDP (2021) juga mendapati pekerja GIG tidak mempunyai rutin menyimpan yang konsisten mengakibatkan kebimbangan kewangan dan menambahkan tekanan kewangan (UNDP 2021). Simpanan yang terhad menyumbang kepada ketidakstabilan ekonomi dan kewangan yang kronik (Jacob & Boyd, 2020).

Secara keseluruhannya, skor kumulatif kerentanan kewangan ialah 3.03 yang menunjukkan tahap kerentanan kewangan pekerja GIG pada tahap sederhana. Hal ini menunjukkan kebanyakan responden kurang bersetuju dengan kenyataan kerentanan kewangan dalam aspek keupayaan simpanan dan simpanan kecemasan mencukupi, pengurusan perbelanjaan yang berhemah dan pengurusan kredit yang baik.

#### 4. Tahap Kerentanan Kewangan Pekerja GIG Mengikut Status Pekerjaan

Jadual 4 menunjukkan tahap kerentanan kewangan pekerja GIG berdasarkan status pekerjaan, iaitu sepenuh masa dan separuh masa. Majoriti responden berada pada skor antara 2.34 hingga 3.67, iaitu pada tahap kerentanan kewangan sederhana yang separuh daripadanya pekerja sepenuh masa (53%) dan selebihnya pekerja separuh masa (47%). Bagi tahap kerentanan kewangan tinggi, majoriti pekerja GIG sepenuh masa (87.8%) dan selebihnya pekerja GIG separuh masa (12.2%). Manakala tahap kerentanan kewangan rendah menunjukkan majoriti pekerja sepenuh masa (64.2%) dan selebihnya pekerja separuh masa (35.8%). Secara keseluruhan, pekerja GIG sepenuh masa mengalami kerentanan kewangan. Hal ini sama dengan Auguste et al. (2023) yang mendapati pekerja yang bekerja sendiri mengalami ketidakpastian ekonomi lebih besar berbanding dengan pekerja bergaji kerana penurunan pendapatan yang tidak dijangka dan kehilangan pekerjaan, ketidaktentuan pendapatan tinggi dan tahap pendapatan di bawah perbelanjaan asas.

Jadual 4. Tahap kerentanan kewangan mengikut status pekerjaan (n=230)

Status Pekerjaan	Tahap Kerentanan Kewangan			Jumlah
	Tinggi (1.00-2.33)	Sederhana (2.34-3.67)	Rendah (3.68-5.00)	
Sepenuh masa	29 (87.8%)	97 (53.0%)	9 (64.2%)	135 (58.6%)
Separuh masa	4 (12.2%)	86 (47.0%)	5 (35.8%)	95 (41.4%)
<b>Jumlah</b>	<b>33 (100%)</b>	<b>183 (100%)</b>	<b>14 (100%)</b>	<b>230 (100%)</b>

Namun begitu, penemuan menarik menunjukkan sebahagian besar pekerja GIG separuh masa termasuk dalam kategori kerentanan sederhana (47%). Hal ini menunjukkan bahawa dengan bekerja separuh masa tidak menjamin perlindungan kestabilan kewangan. Walaupun, pekerja GIG ini bekerja separuh masa mereka masih mengalami ketidakstabilan dan kerentanan kewangan. Dapatan ini selari dengan O'Connor et al. (2019), iaitu kerentanan kewangan boleh berlaku tanpa mengambil kira individu kaya atau miskin, situasi hidup atau keperluan tertentu.

#### 5. Tahap Kerentanan Kewangan Pekerja GIG Mengikut Pendapatan

Jadual 5 menunjukkan tahap kerentanan kewangan mengikut kategori pendapatan bagi pekerja GIG di Selangor. Kategori pendapatan dibahagikan mengikut kelas pendapatan, iaitu B40 (kurang atau sama RM1499, RM1,500 hingga RM2559 dan RM2560 hingga RM5249), M40 (RM5259 hingga RM11819) dan T20 (lebih atau sama RM11819). Majoriti responden berada pada skor 2.34 hingga 3.67 yang bererti tahap kerentanan kewangan berada di tahap sederhana berdasarkan pendapatan. Bagi tahap kerentanan kewangan sederhana, separuh responden mempunyai pendapatan antara RM1500 hingga RM2559 (56.8%) dan



selebihnya mempunyai pendapatan kurang atau sama RM1499 (36.1%) dan pendapatan RM2560 hingga RM5249 (7.1%). Seterusnya, bagi tahap kerentanan kewangan tinggi, majoriti responden mempunyai pendapatan bulanan kurang atau sama RM1499 (60.6%) dan selebihnya berpendapatan RM1500 hingga RM2559 (39.4%). Bagi tahap kerentanan kewangan yang rendah, majoriti responden mempunyai pendapatan daripada RM1,500 hingga RM2559 (50%) dan selebihnya berpendapatan kurang atau sama RM1499 (28.6%) dan berpendapatan RM2560 hingga RM5249 (21.4%).

Jadual 5. Tahap kerentanan kewangan mengikut pendapatan (n=230)

Pendapatan	Tahap Kerentanan Kewangan			Jumlah
	Tinggi (1.00-2.33)	Sederhana (2.34-3.67)	Rendah (3.68-5.00)	
Kurang atau sama RM1499	20 (60.6%)	66 (36.1%)	4 (28.6%)	90 (39.1%)
RM1500- RM2559	13 (39.4%)	104 (56.8%)	7 (50.0%)	124 (53.9%)
RM2560-RM5249	-	13 (7.1%)	3 (21.4%)	16 (7.0%)
RM5250-RM11819	-	-	-	-
Lebih atau sama RM11820	-	-	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>33 (100%)</b>	<b>183 (100%)</b>	<b>14 (100%)</b>	<b>230 (100%)</b>

Tiada responden yang mempunyai pendapatan lebih RM5250, iaitu dalam kategori berpendapatan tinggi, iaitu M40 dan T20. Sebahagian besar pekerja GIG merupakan dalam golongan pendapatan B40. Hal ini menunjukkan bahawa pekerja GIG yang berada dalam kumpulan pendapatan yang lebih rendah menghadapi cabaran kewangan yang lebih besar berbanding dengan mereka yang berpendapatan lebih tinggi. Kemampuan sosioekonomi golongan B40 dipengaruhi antaranya faktor pendapatan (Norasekin Ab Rashid et al. 2023). Dapatan ini selari dengan kajian lepas yang membuktikan kerentanan kewangan yang tinggi dicirikan oleh pendapatan rendah (Anthony et al., 2021; Kai & Shijia, 2023; Ravikumar et al., 2022; Siti Nurazira et al., 2019; Van Ophem, 2020).

## 6. Tahap Kerentanan Kewangan Pekerja GIG Mengikut Simpanan

Jadual 6 menunjukkan tahap kerentanan kewangan berdasarkan anggaran simpanan. Anggaran simpanan diklasifikasikan mengikut julat tiada anggaran simpanan, anggaran simpanan kurang atau sama RM999, anggaran simpanan daripada RM1000 hingga RM4999, anggaran simpanan daripada RM5000 hingga RM9999 dan anggaran simpanan lebih atau sama RM10000. Majoriti responden memiliki tahap kerentanan kewangan sederhana berdasarkan anggaran simpanan (skor 2.34 hingga 3.67). Bagi tahap kerentanan kewangan sederhana, majoriti responden tidak mempunyai simpanan (62.8%) dan selebihnya memiliki anggaran simpanan kurang daripada RM999 (32.7%), anggaran simpanan RM1,000 hingga RM4,999 (3.3%) dan mempunyai simpanan RM5,000 hingga RM9,999 (1.2%). Bagi tahap kerentanan tinggi (skor 1.00 hingga 2.33) menunjukkan majoriti responden tidak mempunyai simpanan (90.9%) dan selebihnya mempunyai simpanan kurang atau sama RM999 (9.1%). Bagi tahap kerentanan kewangan rendah (skor 3.68 hingga 5.00) menunjukkan majoriti responden memiliki kurang atau sama RM999 (64.3%) dan selebihnya tiada simpanan (28.6%) dan memiliki simpanan daripada RM1,000 hingga RM4,999 (7.1%).

Dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar pekerja GIG tiada simpanan (64.8%). Hal ini menunjukkan bahawa majoriti pekerja GIG di Selangor yang menerima bantuan RiDE tidak mempunyai simpanan mencukupi untuk digunakan bila terdapat keperluan kewangan terdesak. Dapatan Jabatan Perangkaan Malaysia (2022b) turut mendapati 63.39% pekerja GIG di Malaysia tidak mempunyai apa-apa simpanan dan pelaburan sendiri. Dapatan ini juga selari dengan penemuan kajian lepas yang menunjukkan kerentanan kewangan berlaku apabila individu tidak mampu mengekalkan kewangan yang stabil dari segi simpanan (Lyons & Kass-Hanna, 2021).

Jadual 6. Tahap kerentanan kewangan berdasarkan anggaran simpanan (n=230)

Anggaran simpanan	Tahap Kerentanan Kewangan			
	Tinggi (1.00-2.33)	Sederhana (2.34-3.67)	Rendah (3.68-5.00)	Jumlah
Tiada	30 (90.9%)	115 (62.8%)	4 (28.6%)	149 (64.8%)
Kurang atau sama RM999	3 (9.1%)	60 (32.7%)	9 (64.3%)	72 (31.3%)
RM1,000- RM4,999	-	6 (3.3%)	1 (7.1%)	7 (3.0%)
RM5,000-RM9,999	-	2 (1.2%)	-	2 (0.9%)
Lebih atau sama RM10,000	-	-	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>33 (100%)</b>	<b>183 (100%)</b>	<b>14 (100%)</b>	<b>230 (100%)</b>

### 7. Tahap Kerentanan Kewangan Pekerja GIG Mengikut Anggaran Hutang

Jadual 7 menunjukkan tahap kerentanan kewangan berdasarkan anggaran hutang. Anggaran hutang diklasifikasikan mengikut julat, iaitu tiada anggaran hutang, anggaran hutang kurang atau sama RM999, anggaran hutang daripada RM1000 hingga RM4999, anggaran hutang daripada RM5000 hingga RM9999 dan anggaran hutang lebih atau sama RM10000. Majoriti responden mempunyai tahap kerentanan kewangan sederhana berdasarkan anggaran hutang (skor 2.34 hingga 3.67). Bagi tahap kerentanan kewangan sederhana, majoriti responden mempunyai anggaran hutang daripada RM1000 hingga RM4999 (39.3%) dan selebihnya responden mempunyai anggaran hutang kurang atau sama RM999 (26.2%), anggaran hutang berjumlah lebih atau sama RM10000 (18.1%), anggaran hutang daripada RM5000 hingga RM9999 (9.3%) dan tidak mempunyai anggaran hutang (7.1%). Manakala tahap kerentanan tinggi menunjukkan majoriti responden mempunyai anggaran hutang lebih atau sama RM10000 (75.6%) dan selebihnya tidak mempunyai anggaran hutang (9.1%) dan mempunyai anggaran hutang kurang atau sama RM999 (9.1%), mempunyai anggaran hutang daripada RM5000 hingga RM9999 (6.1%) dan mempunyai anggaran hutang daripada RM1000 hingga RM4,999 (0.2%). Bagi tahap kerentanan kewangan rendah berada pada skor 3.68 hingga 5.00 menunjukkan majoriti responden mempunyai anggaran hutang RM1000 hingga RM4999 (50%) dan selebihnya anggaran hutang kurang atau sama RM999 hutang (28.6%) dan tidak mempunyai hutang (21.4%).

Jadual 7. Tahap kerentanan kewangan berdasarkan anggaran hutang (n=230)

Anggaran Hutang	Tahap Kerentanan Kewangan			
	Tinggi (1.00-2.33)	Sederhana (2.34-3.67)	Rendah (3.68-5.00)	Jumlah
Tiada	3 (9.1%)	13 (7.1%)	3 (21.4%)	19 (8.2%)
Kurang atau sama RM999	3 (9.1%)	48 (26.2%)	4 (28.6%)	55 (23.9%)
RM1,000- RM4,999	5 (0.2%)	72 (39.3%)	7 (50.0%)	84 (36.5%)
RM5,000-RM9,999	2 (6.1%)	17 (9.3%)	-	19 (15.4%)
Lebih atau sama RM10,000	20 (75.6%)	33 (18.1%)	-	53 (23.0%)
<b>Jumlah</b>	<b>33 (100%)</b>	<b>183 (100%)</b>	<b>14 (100%)</b>	<b>230 (100%)</b>

Dapatan kajian juga mendapati pekerja GIG yang mempunyai hutang lebih atau sama RM10000 mengalami kerentanan kewangan tinggi (75.6%). Data ini menunjukkan bahawa pekerja GIG yang mempunyai tahap hutang yang lebih tinggi mengalami kerentanan kewangan yang tinggi. Dapatan ini selari dengan Fernández-López et al. (2023) mendapati hutang isi rumah yang lebih tinggi meningkatkan kebarangkalian kerentanan kewangan. Dapatan turut dibuktikan dalam Siti Nurazira et al. (2024) mendapati pekerja GIG sebahagian besarnya mempunyai hutang dan tidak selesa dengan kemampuan mereka untuk membayar hutang mereka.

## Kesimpulan

Hasil kajian ini menunjukkan majoriti pekerja GIG di Selangor adalah lelaki, berumur 30 hingga 39 tahun dan berbangsa Melayu. Lebih separuh pekerja GIG mempunyai tahap pendidikan pendidikan STPM. Majoriti mereka beroperasi di Selangor berbanding Kuala Lumpur dan Putrajaya. Separuh daripada pekerja GIG berdaftar di bawah Syarikat Penyedia Perkhidmatan, seperti *Grab Food*, *FoodPanda* dan *Shopee*. Lebih separuh daripada mereka bekerja sepenuh masa dan selebihnya bekerja separuh masa sebagai pekerja GIG. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pekerja GIG sepenuh masa mengalami tahap kerentanan kewangan lebih tinggi berbanding pekerja GIG separuh masa. Pekerja GIG yang mempunyai pendapatan rendah dan kurang atau tidak mempunyai simpanan akan mengalami kerentan kewangan lebih tinggi secara relatif. Seterusnya pekerja GIG yang mempunyai pinjaman yang banyak juga didapati mempunyai tahap kerentanan kewangan yang tinggi dan sebaliknya.

Kajian ini memberi sumbangan kepada pekerja GIG dengan meningkatkan kefahaman literasi kewangan dan amalan tingkah laku kewangan positif, menangani kerentanan kewangan dan membuat keputusan termaklum untuk meningkatkan kestabilan dan kesejahteraan kewangan mereka. Melalui kajian ini, telah mengenal pasti kerentanan kewangan yang dihadapi oleh pekerja GIG antaranya adalah kesukaran menyimpan dan mendapatkan akses produk dan perkhidmatan perbankan. Maka dengan memahami kelemahan ini mereka dapat mengambil langkah yang proaktif dalam menangani isu ini dan memperbaiki kewangan untuk membentuk amalan kewangan yang bertanggungjawab dan konsisten. Sehubungan itu, ia menunjukkan bahawa penting pemahaman yang baik tentang konsep kewangan dan keupayaan untuk mengurus kewangan dapat mengurangkan risiko kewangan.

Selain itu, kajian juga mendapati pekerjaan GIG merupakan pekerjaan yang tidak stabil walaupun memberikan kelebihan dalam fleksibiliti bekerja. Oleh itu, ia membantu untuk mengukuhkan keyakinan pekerja GIG untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih stabil dan lebih giat menyertai peluang-peluang latihan yang disediakan oleh pihak luar dalam memasuki pekerjaan formal.

**Penghargaan:** Penghargaan khusus ditujukan kepada geran TAP-K007772 kerana membiayai penerbitan ini.

**Konflik Kepentingan:** Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan dalam penulisan ini.

## Rujukan

- Anderloni, L., Bacchiocchi, E. & Vandone, D. (2012). Household financial vulnerability: An empirical analysis. *Research in Economics*, 66(13), 284–296.
- Anthony, M., Sabri, M. F., Wijekoon, R., Abdul Rahim, H., Abdullah, H., Othman, Mohd. A., & Md. Yusoff, I.S. (2021). The influence of financial socialization, financial behavior, locus of control and financial stress on young adults' financial vulnerability. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(19), 289–309.
- Auguste, D., Roll, S., & Despard, M. (2023). The precarity of self-employment among low- and moderate-income households. *Social Forces*, 101(3), 1081-1115
- Azarisham Shafiei, Rosmah Mohamed & Rozanah Ab Rahman. (2022). Factors affecting food delivery riders' intention to participate in the GIG economy. *Social & Management Research Journal*, 19(2), 169–210.
- Azzopardii, D., Fareed, F., Lenaini, P., & Sutherland, D. (2019). *OECD Economic survey of the United States: Key research findings*. OECD Publishing
- Bajwa, U., Knorr, L., Ruggiero, E. Di, Gastaldo, D. & Zendel, A. (2018). Towards an understanding of workers' experiences in the global GIG economy. *Globalization and Health*, 14(124), 2–4.
- Chua Yan Paw. (2021). *Kaedah dan statistik penyelidikan, Buku 1*. McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Dankiewicz, R., Balawejder, B., Chudy-Laskowska K., & Britchenko I. (2022). Impact factors and structural analysis of the state's financial security. *Journal of International Studies*, 15(4), 80-92. <https://doi/10.14254/2071-8330.2022/15-4/5>

- Drahokoupil, J., & Piasna, A. (2019). *Work in the platform economy: Deliveroo riders in Belgium and the SMartBe arrangement*. ETUI aisbl.
- Dubbelman, B. (2021). *E-Hailing and the Crisis of Work*. [Tesis Master, Universiti Witwatersrand Johannesburg].
- Farhana Hanim Mohsin, Norhayati Isa, Azeyan Awee & Purhanudin Noorfaiz. (2022). Growing GIG: A conceptual report on job autonomy and work engagement on GIG workers' performance. *International Journal of Advanced Research in Economics and Finance*, 4(1), 144–156.
- Faul, F., Erdfelder, E., Buchner, A., & Lang, A. G. (2009). Statistical power analyses using G\*Power 3.1: Tests for correlation and regression analyses. *Behavior Research Methods*, 41(4), 1149–1160.
- Fennell, A. (2023, March 22). GIG economy statistics, UK. <https://standout-cv.com/gig-economy-statistics-uk>.
- Fernández-López, S., Álvarez-Espino, M., Rey-Ares, L. & Castro-González, S. (2023). Consumer financial vulnerability: Review, synthesis, and future research agenda. *Journal of Economic Surveys*, 1–40.
- Gibbons, S. (2022, March 22). 3 Reasons businesses are tapping into the GIG economy. <https://www.forbes.com/sites/serenitygibbons/2022/07/21/3-reasons-businesses-are-tapping-into-the-gig-economy/>
- Hager, W. (2006). Die fallibilität empirischer daten und die notwendigkeit der kontrolle von falschen entscheidungen [The fallibility of empirical data and the need for controlling for false]. *Zeitschrift für Psychologie*, 214(1), 10-23.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022a). *Laporan survei sektor informal dan pekerjaan informal informal sektor and informal employment survey report Malaysia 2021*. Jabatan Perangkaan Malaysia Department of Statistics Malaysia. Putrajaya. [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my).
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022b). *Kajian mengenai isu perundangan perburuhan, perhubungan perusahaan dan perlindungan sosial: Pekerja GIG dalam perkhidmatan penghantaran makanan dan barangan yang bekerja sendiri*.
- Jacob, A., & Boyd, R. (2020). Addressing economic vulnerability among low-income families in America: Is the basic income approach a viable policy option? *Journal of Children and Poverty*, 26(1), 85–99.
- Joo, B. A., & Shawl, S. (2021). COVID-19 pandemic and the rising GIG economy: An emerging perspective. *Global Economics Science*, 16–23.
- Kai Wu & Shijia Wan. (2023). Job stability and household financial vulnerability: Evidence from field surveys in China. *Finance Research Letters*, 58(3), 1-7
- Kang, H. (2021). Sample size determination and power analysis using the G\*Power software. *Journal of Educational Evaluation for Health Professions*, 18(7), 1–12.
- Kim, K. T., & Wilmarth, M. J. (2016). Government subsidies and household debt burden after the great recession. *Journal of Family and Economic Issues*, 37(3), 349–358.
- Lee May Poh. (2021). Determinants of financial vulnerability mediated by financial management practices among civil servants in Peninsular Malaysia. [Tesis Dr. Fal, Universiti Putra Malaysia].
- Lee, Y.G., Hales, E. & Kelley, H.H. (2023). Financial behaviors, government assistance, and financial satisfaction. *Social Indicators Research*, 166(2), 85–103.
- Lusardi, A., & Mitchell, O. (2011). Financial literacy around the world: An overview. *Journal of Pension Economics and Finance*, 10(04), 497-508
- Lutkevich, B. (2023, March 22). 22 GIG economy statistics for 2023. <https://www.techtarget.com/WhatIs/feature/Gig-economy-statisticsn>
- Lyons, A. C., & Kass-Hanna, J. (2021). Financial inclusion, financial literacy and economically vulnerable populations in the Middle East and North Africa. *Emerging Markets Finance and Trade*, 57(9), 2699–2738.
- Maria, D., & Stopforth, G. (2023). An overview of categories of vulnerability among on- demand workers in the GIG economy. *Law Democracy & Development*, 27(2023), 149–182.
- Mitchell, J., Clear, H., & Decker, P. (2021). GIG workers' financial confidence and behavior. *Global Journal of Accounting and Finance*, 5(2), 88-105
- Mohd Majid Konting. 2009. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Morrissey, T. W., Cha, Y., Wolf, S., & Khan, M. (2020). Household economic instability: Constructs, measurement, and implications. *Children and Youth Services Review, 118*(9), 1-30
- Muhammad Eddy Aizad Anuar, Shafinar Ismail & Khairunnisa Abd Samad. (2023). Financial planning for retirement: A proposed conceptual framework. *International Journal of Academic Research in Accounting, Finance and Management Sciences, 13*(1), 177–187.
- Namdeo, S. K., & Rout, S. D. (2017). Calculating and interpreting Cronbach's alpha using Rosenberg assessment scale on paediatrician's attitude and perception on self-esteem. *International Journal of Community Medicine and Public Health, 3*(6), 1371–1374
- Nguyen Vu, N., & Scott, J. (2018). Financial capability: Literacy, behavior, and distress. *SSRN Electronic Journal, 27*(4), 391–411.
- Norasekin Ab Rashid, Khazani, M.Z., Nor Effuandy Pfordten Saleh Md Saleh, Maziana Zainal Abidin, Mohd Faznor Akmar Faimi & Norhaila Sabli. (2023). Factors of GIG job involvement and the effect on B40 and M40 socio-economic Sustainability. *Information Management and Business Review, 15*(3), 265–274.
- Nurul Syifaa Mohd Shakil, Nur Azirah Zahida Mohamad Azhar, Norashida Othman, Ahmad Zuhairi Zainuddin, Lucky Rachmawati, Tony Seno Aji & Hendry Cahyono. (2023). Nexus between government assistance and savings: preliminary analysis of households in Malaysia. *Information Management and Business Review Nexus, 15*(3), 462–469.
- O'Connor, G. E., Newmeyer, C. E., Wong, N. Y. C., Bayuk, J. B., Cook, L. A., Komarova, Y., Loibl, C., Lin Ong, L., & Warmath, D. (2019). Conceptualizing the multiple dimensions of consumer financial vulnerability. *Journal of Business Research, 100*(10), 421–430.
- Peetz, J., & Robson, J. (2021). *Living GIG to GIG and paycheque to paycheque: How income volatility affects financial decisions*. Think Positive Initiative.
- Ravikumar, T., Sriram, M., Girish, S., Anuradha, R. & Gnanendra, M. (2022). Financial stress, financial literacy, and financial insecurity in India's informal sector during COVID-19. *Investment Management and Financial Innovations, 19*(2), 285–294.
- Rezqi Basid & Jaka Atmaja. (2022). The effect of generation Z workforce characteristics on the GIG economy with work life integration as a mediator. *International Conference on Contemporary Risk Studies, ICONIC-RS 2022*. 1–14. South Jakarta.
- Sabatier, G. (2023). *30 Gig Economy Statistics for 1–18*.
- Saunders, M.N.K., Lewis, P. & Thornhill, A. (2023). *Research methods for business studies* (9<sup>th</sup> Edition). Pearson Education Limited.
- Siti Nurazira Mohd Daud, Marzuki, A., Nursilah Ahmad & Zurina Kefeli. (2019). Financial vulnerability and its determinants: Survey evidence from Malaysian households. *Emerging Markets Finance and Trade, 55*(9), 1991–2003.
- Siti Nurazira Mohd Daud, Zaiton Osman, Shamzaeffa Samsudin & Ing Grace Phang. (2024). Adapting to the GIG economy: Determinants of financial resilience among "Giggers." *Economic Analysis and Policy, 81*(8), 756–771.
- Sri Noerhidajati, Agung Bayu Purwoko, Hesti Werdaningtyas, Amalia Insan Kamil & Dartanto Teguh Dartanto. (2021). Household financial vulnerability in Indonesia: Measurement and determinants. *Economic Modelling, 96*(3), 433–444.
- Uchiyama, Y., Furuoka, F. & Akhir, M.N.M. (2022). GIG workers, social protection and labour market inequality: Lessons from Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia, 56*(3): 165–184.
- UNDP. (2021). *The GIG economy and financial health*. UN Capital Development Fund
- Van Ophem, J. (2020). COVID-19 and consumer financial vulnerability. *The Central European Review of Economics and Management, 4*(4), 115–132.
- Waziri Musa, Ahmed Zubir Bin Ibrahim & Zainal Bin Md. Zan. (2019). Government intervention programs linking with poverty alleviation: An empirical investigation, the case of Nigeria. *Asian Research Journal of Arts & Social Sciences, 8*(2), 1–10.

- Zhang, A., Boltz, A., Wang, C.W. & Lee, M.K. (2022). Algorithmic management reimagined for workers and by workers: Centering worker well-being in GIG work. *Proceedings of the 2022 CHI Conference on Human Factors in Computing Systems*, hlm. 1-20.
- Zufatin Izzati Zulkefli & Muhamad Khalil Omar. (2023). Work-life balance, mental health, income, and job satisfaction among GIG workers in Selangor, Malaysia. *Journal for Re Attach Therapy and Developmental Diversities*, 1(4),271.